

23 JAN 1999

SERTING-AFRIKA SELATAN

SERTING CADANG TUBUH LEBIH BANYAK FIRMA DAGANGAN AFRIKA

Oleh: Nor Faridah Abdul Rashid

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Kumpulan Serting yang berjaya menubuhkan Firma Dagangan Malaysia (MTH), iaitu yang pertama di Afrika Selatan bagi produk berkualiti buatan Malaysia, kini sedia untuk menembusi negara-negara di Afrika Selatan dengan menubuhkan firma dagangan yang serupa.

Pengerusi Serting Yaacob Arshad berkata firma dagangan Afrika Selatan yang terletak di Cape Town, telah menerima sambutan menggalakkan bukan hanya dari peniaga dan agen di Afrika Selatan tetapi juga dari negara seperti Mozambique, Botswana dan Zimbabwe.

Oleh itu, kumpulan itu berhasrat untuk menubuhkan firma dagangan yang serupa di negara-negara ini pada 1999 untuk mempertingkatkan lagi pasaran eksport Malaysia, katanye kapada Bernama TV dalam wawancara eksklusif hari ini.

Yaacob berkata MTH, yang ditubuhkan di Afrika Selatan pada Ogos lepas, memberikan tumpuan kepada pengenalan dan pemasaran barangan Malaysia di negara itu, dan pada November tahun lepas ia berjaya mengaut jualan bernilai RM1.1 juta.

Beliau menambah bahawa idea untuk menubuhkan firma dagangan datang dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasakan sektor swasta NMalaysia barus memperlengkap usaha kerajaan dalam mempromosi produk di luar negara.

"Dengan adanya firma dagangan seperti ini, agen dan peniaga boleh membincangkan urusaniaga dan membuat tempahan tanpa datang ke Malaysia," katanya.

Kumpulan Serting ini memulakan perniagaannya dalam industri pembinaan Afrika Selatan pada 1994 dan kini memiliki sebuah hotel - the Lady Hamilton Hotel - di Cape Town.

Apabila MTH mula ditubuhkan, ia hanya menerima tempahan besar-besaran untuk produk buatan Malaysia seperti motorsikal yang dibuat oleh Modenas, peralatan rumah yang dikeluarkan oleh Malaysian Electric Corporation (MEC), makanan dan perabot. Tetapi sejak baru-baru ini ia mula menjalankan dagangan runcit.

Yaacob berkata industri kecil dan sederhana juga boleh mempamerkan produk mereka di MTH.

Setakat ini, 35 syarikat telah mempamerkan produk mereka di Firma Dagangan-nya di Cape Town.

Syarikat atau pengeluar yang berminat untuk mempamerkan produk mereka boleh menghubungi Kumpulan Serting Group di Serting House, 61, Jalan Maarof, Bangsar, 59000 Kuala Lumpur atau Tel: 282 8888, Faks: 282 9999. --

BERNAMA

FR JR